

Malaysia wadah

teknologi tinggi

DEC 1993

UCAPAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 (Lima '93) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi.

SAYA, mewakili rakyat Malaysia, mengucapkan selamat datang kepada semua hadirin di Pulau Langkawi, pulau yang kaya dengan legendanya, untuk menyaksikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa (Lima '93). Saya harap anda semua mendapat sedikit gambaran mengenai warisan kebudayaan kami.

Langkawi terletak di tengah-tengah segi tiga pembangunan yang baru saja dibentuk oleh negeri wilayah utara Malaysia dan Indonesia dengan wilayah selatan Thailand.

Dengan konsep segi tiga ini, kawasan ini dijangka menjadi semakin penting, bukan hanya sebagai pusat tarikan pelancong, tetapi juga kawasan pelaburan yang penting.

Pameran bertaraf antarabangsa seperti Lima adalah sesuai dan tepat pada masanya. Kerajaan Malaysia berharap lebih banyak acara bertaraf antarabangsa seumpama ini akan diadakan di Langkawi terutama di Pusat Persidangan dan Pameran Antarabangsa yang baru ini.

Walaupun sebahagian besar negara di dunia menghadapi trend kemelesetan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ekonomi negara Asia Timur terutama di Asia Tenggara, terus memperlihatkan peningkatan dinamik.

Malaysia berada di tengah-tengah rantau yang meningkat maju ini dan berjaya membina asas pengeluaran yang kukuh sejak lima tahun lalu. Ekonomi Malaysia melangkah ke arah mengeksport barangan pengeluaran industri dan tidak lagi bersandar kepada eksport tradisi berasaskan bahan mentah.

Malaysia juga sudah meninggalkan era industri berasaskan buruh ke-

pada industri berasaskan teknologi dan modal.

Dengan latar belakang kejuruteraan dan teknologi tinggi ini, Malaysia berbangga untuk melangkah ke dalam industri udara. Lima '91 mendorong minat dan kesedaran rakyat Malaysia dan industrialis asing mengenai potensi dalam industri udara terutamanya di rantau Asia Pasifik.

Industri ini berkaitan dengan teknologi tinggi yang kita benar-benar ingin memilikinya untuk membawa negara ke tahap lebih tinggi dalam kemajuan teknologi dan persaingan antarabangsa.

Hari ini, dua tahun selepas lima '91, sebuah syarikat tempatan, Composite Technical Research Malaysia, mengumumkan penyertaannya dalam mengeluarkan pesawat komposit ringan, Eagle X-TS bersama syarikat Australia.

Mulai 28 Mei tahun ini, Malaysia mengambil alih semua syarikat itu. Model pertama Eagle dikeluarkan oleh Australia di Perth Oktober lalu. Hari ini, ia dipamerkan di Malaysia buat pertama kalinya.

Sekarang, rancangan sedang dijalankan untuk mengeluarkan semua pesawat di Malaysia. Projek Eagle adalah satu langkah berani yang kita ambil dalam dunia teknologi komposit.

Eagle Aircraft (Malaysia) Sdn Bhd juga sudah menerima tempahan enam pesawat daripada pelanggan yang pertama, Pihak Berkuasa Penguurusan Tanah dan Pemeliharaan Australia Barat. Eagle sesuai untuk penerbangan pesisiran bersantai dan kerja pengawasan.

Tahun ini, Malaysia mengambil bahagian dalam dua lagi projek pengeluaran pesawat. Saya dengan gembira mengu-

mumkan pesawat amfibia enjin berkembar 14 tempat duduk, Dornier Seaster CD2 yang direka bentuk di Jerman dijadualkan untuk dibuat di Pulau Pinang, tahun depan.

Industri Udara Malaysia (AIM) mengetuai konsortium syarikat untuk membuat Seaster secara keseluruhannya di Malaysia. Pesawat ini mempunyai skop jualan di rantau Asia Pasifik. Ia berguna untuk digunakan oleh pasukan peronda maritim, misi mencari dan menyelamat dan juga untuk pusat peranginan di tasik dan pulau.

Projek ketiga ialah untuk membuat pesawat pelatih aerobatik dua tempat duduk Datwyler MD3-160 yang direka bentuk di Switzerland. SME Aerospace akan mengeluarkan pesawat pelatih kos rendah ini dan kita menjangka dapat menyaksikan

kan MD3s buatan Malaysia yang pertama sebelum penghujung tahun depan. Pesawat kategori ini mempunyai permintaan yang baik di merata dunia dan SME Aerospace berharap cuba mendapatkan pasaran ini.

Dalam mengeluarkan ketiga-tiga pesawat ini, kita sudah memasuki era teknologi baru yang memerlukan kawalan kualiti yang tinggi. Permintaan terhadap industri udara juga memerlukan tenaga kerja di Malaysia yang berhemat, mementingkan kualiti proses pengeluaran. Kita percaya bahawa kita mempunyai etika kerja dan kemahiran yang diperlukan untuk industri seumpama ini.

Tidak diragui, kita bermula secara kecil-kecilan. Amerika Syarikat, ketika memasuki industri udara, hanya menerusi pembinaan Kitty Hawk, pesawat

untuk menyediakan latar belakang penyelidikan bagi syarikat yang terletak di CMZ.

Kita mengalu-alukan lebih banyak syarikat asing dan tempatan menyertai CMZ. Seperti yang anda tahu, komposit boleh digunakan untuk membuat banyak peralatan sukan, kapal laut, kereta api dan kenderaan dan semua kontena yang mementingkan soal ketahanan.

Tentunya, lebih banyak bahan komposit digunakan untuk pesawat perdagangan dan tentera. Sehingga hari ini, banyak kerja menggunakan tenaga manusia digunakan. Dan kos tenaga mahir Malaysia yang murah adalah aset dalam industri pembuatan menggunakan komposit.

Malaysia juga membangunkan industri maritim sendiri. Kita juga sudah membina feri dan kapal pengangkut barang. Pangkalan laut di Lumut yang diperbadankan dua tahun lalu akan memasuki industri pembuatan kapal. Ia akan turut serta dalam pembinaan kapal peronda Tentera Laut Diraja Malaysia (TUDM) dengan kerjasama syarikat pembinaan kapal asing.

Syarikat tempatan yang turut serta dalam mengeluarkan dan membekalkan peralatan dalam kapal dan sistem akan dapat menyertai dan menikmati faedah daripada pemindehan teknologi ini.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) akan mengetuai program pembangunan vendor bagi industri kecil dan sederhana untuk menyokong projek kapal peronda, seperti yang dilakukan untuk projek kereta nasional.

Kita juga mempunyai potensi untuk membina kapal pesiaran. Ketika Lima '91, boleh dikatakan semua kapal pesiaran yang dipamerkan berjaya dijual pada akhir pameran itu. Kekayaan Malaysia dan negara jiran yang semakin meningkat akan mewujudkan permintaan

bagi kapal jenis itu. Saya mahu menggalakkan usahawan tempatan dan asing untuk melihat kemungkinan menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau untuk mengeluarkan kapal jenis itu.

Dengan bertambahnya kapal jenis itu di perairan tempatan, keperluan terhadap kemudahan membaik pulih kapal dan marina juga meningkat. Kita sedang membina beberapa kapal pesiaran ketika ini tetapi saya percaya lebih banyak lagi diperlukan tidak berapa lama lagi.

Untuk memenuhi permintaan dalam proses pengindustrian dan teknologi baru, perubahan perlu dilakukan terhadap dasar pendidikan dan kursus baru akan ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi, sektor kerajaan dan swasta.

Kerajaan berusaha menyediakan kemudahan sokongan yang perlu bagi sektor swasta yang berminat untuk melabur dalam bidang teknologi tinggi. Taman Teknologi Tinggi yang dibangunkan di Kulim, Kedah dan CMZ, Melaka adalah contoh hasil usaha ini. Seperti yang anda lihat, kerajaan Malaysia bertindak pantas untuk memenuhi kehendak pelabur.

Saya juga mahu menegaskan sekali lagi bahawa Lima bukan hanya sekadar pertunjukan udara dan maritim yang biasa. Memang benar hampir semua negara Asia menganjurkan pertunjukan seumpama ini. Tetapi Lima masih istimewa kerana ia diadakan di rantau yang paling cepat meningkat dari segi ekonomi.

Masyarakat di rantau ini sekarang ini semakin kaya. Mereka bukan hanya lebih banyak melancong dan mengembara tetapi sebenarnya mulai menganggap memiliki jet peribadi dan kapal mewah adalah penting untuk perniagaan dan kesenangan.

Di Lima, pengeluaran akan mempunyai masa le-

bih banyak untuk memperlihatkan dan menunjukkan kemampuan barangan mereka untuk orang ramai. Tapak pameran ini membenarkan pertunjukan aerobatik sepenuhnya kerana kita tidak diganggu dengan keperluan operasi lapangan terbang perdagangan, oleh pusat penduduk yang padat atau perubahan yang sibuk.

Lima '93 adalah dua kali lebih besar daripada Lima '91. Ini adalah bukti pengiktirafan. Tambahan pula, seminar mengenai sains dan seni penerbangan kapal terbang yang turut diadakan adalah sesuai dengan industri perjalanan udara yang semakin membesar di rantau ini dan di dunia.

Selain itu, Langkawi adalah tempat yang indah untuk bekerja dan berehat. Kurang dari 10 tahun lalu, hanya 30,000 pelancong melawat pulau ini. Tahun lalu, lebih satu juta pelancong datang ke pulau ini di mana kira-kira 30 peratus adalah pelawat asing. Oleh itu, lawatan perniagaan anda di sini harus disusuli dengan percutian di pulau ini di masa depan. Anda akan mendapati Lima sudah memperkenalkan anda lebih daripada pertunjukan udara dan maritim.

Siri pameran Lima yang dirancang untuk diadakan juga bertujuan untuk mencabar rakyat Malaysia supaya menyahut dengan aktif permintaan terhadap dunia bersumberkan teknologi ini. Malaysia tidak boleh ketinggalan. Dalam dunia yang kompetitif ini, kita tidak boleh berpuas hati. Kepekaan dan kemahuan untuk menceburkan diri dalam bidang yang baru adalah pra syarat untuk sentiasa berada di hadapan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam pameran ini dan yang menjadi tetamu sama ada dari jauh atau dekat. Saya yakin bahawa hubungan perniagaan yang didapati di sini, adalah bernilai.

yang lebih primitif daripada tiga pesawat yang saya sebutkan tadi. Dalam tempoh satu kurun, kita mungkin seiring dengan Boeing dan McDonnell Douglas. Tetapi, sesuatu harus dilakukan di peringkat permulaan. Tiga pesawat yang kecil adalah sesuatu permulaan yang baik.

Sempena usaha mempromosi pembuatan barangan komposit di Malaysia, kerajaan meluluskan Zon Pembuatan Komposit (CMZ) di Melaka. CMZ antara lain mengandungi:

- Sebuah pusat industri udara bermula dengan pesawat Eagle Malaysia;

- Pusat pembuatan barangan bukan udara, dengan Talon Malaysia sebagai penyewa utama yang membuat kayu hoki daripada bahan komposit; dan

- Makmal komposit yang moden dan lengkap